Kehidupan Suami Isteri dengan Watak yang Mereka Benamkan dan Lahirkan

Jika seseorang kehilangan salah satu watak perkelaminannya maka akan terbenamlah salah satu kompleks yang dipunyainya. Hal ini merupakan sesuatu kekurangan, yang akan digantikannya dengan kegiatan lain di luar rumah tangganya. Dan sekiranya kegiatan ini tiada diatasi dengan jalan mencari hiburan dan kesukaan untuk mengisi kesunyiannya, boleh menyebabkan gangguan urat sarafnya.

(Dikutip dari Majalah *al-'Arabī* keluaran Julai 1965)

Perkahwinan adalah suatu hubungan suci yang terjalin antara lelaki dengan perempuan yang dinamakan suami isteri. Kalau kita perhatikan dengan agak teliti, bagaimana watak kedua suami isteri itu, akan kita dapati mempunyai persamaan yang banyak dengan watak sel mani lelaki dan sel telur perempuan semasa keduanya telah bersatu di dalam rahim seorang perempuan.

Sel mani lelaki itu – sebagaimana yang dapat dilihat menerusi (mikroskop) – pergerakannya tersangat cepat dia melancar dengan deras untuk menuju ke sel telur perempuan. Hidupnya pun amat singkat, boleh jadi kerana dia tidak berbekal bahan makanan, yang seandainya tidak dapat bertemu dengan sel telur akan matilah seketika itu juga.

Sel telur perempuan pula yang dipancarkan oleh seorang perempuan, bentuknya lebih besar lagi, sedang pergerakannya lambat, tetapi berbekal dengan bahan makanan yang membolehkan hidup setelah bertemu dengan sel mani untuk beberapa waktu di saat permulaan hidupnya di dalam rahim.

Biasanya sel telur tadi hanya menerima kemasukan satu sahaja dari antara beribu-ribu (haiwan mani) yang terkandung dalam sel mani - pada hal semuanya ada mengerumuninya.

Bentuk Persamaan

Inilah dia keadaan watak sel mani lelaki dan sel telur perempuan keduanya telah bertemu di dalam rahim. Alangkah serupanya ratak[1] kedua sel tersebut dengan watak kedua orang lelaki dan perempuan yang sama-sama telah sehidup, hasil dari percantuman keduanya.

Orang lelaki cepat benar gerak langkahnya dan cergas tindak tanduknya semasa dia berusaha memburu perempuan, sehingga bila dia telah bersebadan dengannya, dia akan berhenti dan duduk merehatkan diri. Sedang orang perempuan pula, kebiasaannya hanya bersikap menanti sahaja dan menerima, kerana tugasnya hanya di sekitar menghias diri, bersolek dan memikat lelaki, sehingga bila dia telah dapat bersebadan dengan lakinya, mulalah menjalankan tugas barunya iaitu memberi makan dan membela bayi yang sedang dikandungnya selama berada di dalam rahimnya. Kemudian bila telah melahirkan anak, maka ia pun menyusukannya, membela dan memeliharanya.

Jadi tugas orang lelaki – tentang penanaman benih – habislah sudah, dan bermulalah pula tugas

[1] Perkataan sebenarnya adalah watak.

orang perempuan. Tetapi tugas orang lelaki dalam urusan lainnya tidak akan habis. Kerana tugas mengandungkan anak kemudian melahirkannya dan sesudah itu membela dan memeliharannya adalah merupakan beban berat yang menggurangkan tenaga perempuan, maka mestilah orang lelaki turut mengambil bahagian untuk mengembalikan tenaga tersebut dengan memberikan kepadanya layanan kasih sayang.

Itulah sebabnya, kerjasama dan bertolong-tolongan antara suami isteri selepas penanaman benih amatlah perlu diwujudkan dari semasa ke semasa dengan memberikan layanan kasih sayang untuk menambahkan lagi ertinya hubungan antara keduanya. Itulah layanan yang tak pernah diwujudkan oleh golongan haiwan.

Tiga Cabang Dari Watak Perkelaminan

Di dalam watak perkelaminan seseorang manusia atau yang dinamakan (*al-gharīzah at-tanāsuliyyah*) ada terdapat 3 cabang peruntukkan atau 3 macam perangai.

1. Watak ingin **berhubung jenis** (mengadakan persetubuhan) antara suami isteri.
2. Watak ingin **memadu kasih** dan bercinta-cintaan antara suami isteri dengan erti kata cinta yang sejati sehingga jiwa (roh) kedua-keduanya telah menjadi satu.
3. Watak ingin **memperoleh keturunan** dengan mencurahkan kasih sayang terhadap mereka.

Adalah kehidupan suami isteri itu tidak akan sempurna sekiranya keduanya tidak diliputi oleh adanya ketika macam watak yang disebutkan di atas tadi yaitu; keinginan berhubung jenis, keinginan berhubung roh dan keinginan memperoleh keturunan.

Memang berlaku dalam kehidupan suami isteri, mereka pernah kehilangan salah satu dari ketiga macam watak tersebut:

a) Ada kalanya pasangan suami isteri itu kehilangan nafsu untuk mengadakan perhubungan jenis – disebabkan adanya sesuatu penyakit atau disebabkan tabiatnya yang semulajadi – sedang perasaan cinta dan kasih syaang tetap bergelora.
b) Ada kalanya suami isteri itu kehilangan rasa cinta dan kasih sayang sedang keinginannya untuk berhubung jenis tetap menyala.
c) Dan ada kalanya mereka cukup menikmati keinginan perhubungan jenis dan sambutan cinta dan kasih sayang tetap hangat, tetapi mereka kehilangan tempat menumpahkan kasih kepada keturunan, kerana mereka tidak memperoleh anak.

Jika watak-watak yang tiga ini, salah satunya hilang dari diri seseorang, maka akan terbenamlah sesuatu kompleks yang dipunyainya. Hal ini merupakan sesuatu kekurangan, yang akan digantikannya dengan kegiatan lain di luar rumahtangganya. Dan sekiranya kegiatan ini tiada di atasi dengan jalan mencari hiburan dan kesukaan untuk mengisi kesunyiaan boleh menyebabakan gangguan pada urat sarafnya yang disebut juga sebagai “kegelisahan urat saraf”. Kegelisahan urat saraf ini timbul disebabkan tidak ada kepuasan yang cukup untuk memenuhi tuntutan syahwat jasmaninya, mahu pun kerinduan cintanya, atau pun kasih sayangnya sebagai seorang bapa atau seorang ibu.

Cara Mengatasi Kesunyian Hidup dan Bagaimana Menggantikannya

Mungkin sepasang suami isteri sealiran

hidup, kerana sama-sama dapat memenuhi tuntutan jasmani dan rohani masing-masing, ertinya sama-sama dapat berhubung jenis dan saling cinta-mencintai, tetapi oleh kerana lama benar mereka tidak mendapat anak, akan menyebabkan mereka sentiasa dalam kegelisahan dan kesunyian di dalam rumahtangga mereka.

Oleh sebab itu terdapat setengah orang mengambil anak angkat yang dipeliharanya sebagai anaknya sendiri untuk menjadi tempat mencurahkan rasa keayahan atau keibuan kepadanya, sebagai salah satu cara mengisi kekosongan dan kesunyian hidup mereka.

Cara yang begini banyak dilakukan orang diberbagai tempat, malah banyak di antara para isteri yang memilih jalan ini dan mereka lebih suka mengambil anak angkat untuk menghindarkan diri dari kepayahan mengandung dan kesusahan semasa bersalin.

Dan setengah mereka untuk mengisi kesunyian mereka dengan membela kucing, atau anjing atau pun burung. Dan tidak pula kurang di antara mereka yang selama ini salah satu di antara cabang wataknya yang telah terbenam itu atau rasa kasih sayangnya yang tenggelam itu ditimbulkannya dengan jalan memasuki pertubuhan-pertubuhan kebajikan atau bergaul dengan masyarakat untuk berkhidmat kepada mereka dan memberikan pertolongan kepada orang-orang yang ditimpa kemalangan atau menghiburkan orang-orang yang berada di dalam kesusahan.

Orang-orang yang seperti ini telah menceburkan dirinya dalam kalangan masyarakat, tujuannya tak lain dan tak bukan ialah hendak memberikan kepuasan kepada tuntutan wataknya yang selama ini telah tenggelam dan tidak dapat ditimbulkan melainkan dengan cara-cara yang disebutkan di atas. Demikianlah cara mengatasi kehilangan watak-watak yang bersangkutan dengan tuntutan jasmani, rohani, keayahan dan keibuan dalam kehidupan kerumahtangaan. Socrates salah seorang filsuf bangsa Greek telah berkata: “Hendaklah manusia itu kahwin! Sama ada dia nanti akan hidup bahagia atau menjadi seorang filsuf.”

Buku yang mengandungi 155 muka, kertas lichin susunan saudara A.H. Edrus ini meliputi penuh segala rupa urusan yang berhubung dengan surat menyurat dalam semua bahagian hidup (kechuali surat chinta).

Harga sebuah $2.00 dan tambah belanja pos register sebanyak 40 sen.

Alamat penerbit-nya ia-lah:

Q A L A M,

356/8, GEYLANG ROAD,

SINGAPORE 14.